

Tawar beg kertas caj minimum hentikan guna plastik

Barita Harian 1/1/2024



Perisarah Kanan,
Fakulti Pengurusan
Industri, Universiti
Malaysia Pahang
Al-Sultan Abdullah

Oleh Dr Mohamad Reeduan Mustapha
bhrencana@bh.com.my

Penggunaan barangan plastik menjadi bahagian penting dalam kehidupan manusia daripada pembungkusan makanan hingga keperluan domestik.

Namun, kita perlu mencari penyelesaian lebih lestari dan mesra alam, termasuk menyelesaikan isu penggunaan beg plastik pakai buang seperti di kedai dan pasar raya.

Pada masa ini, kita dikenakan caj 20 sen bagi setiap beg plastik diberikan kepada pelanggan. Meskipun ia menggalakkan kesedaran mengenai impak negatif beg plastik terhadap alam sekitar, kita perlu penyelesaian lebih proaktif.

Beg plastik adalah sisa buangan sukar dihapuskan, bukan sahaja membawa risiko kesihatan melalui pelepasan karsinogen (ejen penyebab pertumbuhan kanser) ketika pembakaran, bahkan memberikan impak besar terhadap alam sekitar dan ekosistem.

Apabila dibakar, ia mengeluarkan toksin berbahaya boleh mencemari udara dan jika ditanam, akan meresap ke sumber air minum.

Pencemaran plastik juga ancaman kepada haiwan seperti penyu dan burung, iaitu antara haiwan

biasanya dilaporkan mati berpunca daripada sisa itu. Malah, beg plastik juga menyumbang kepada masalah alam sekitar kerana peresapan air akibat pembuangannya menyebabkan risiko banjir dan merosakkan kesuburan tanah.

Bahan mesra alam

Justeru, kita perlu mengambil langkah lebih proaktif seperti beg kertas diperbuat daripada bahan mesra alam dan mengharamkan penggunaan beg plastik pakai buang.

Negara maju mengambil pendekatan lebih radikal dengan mengamalkan penggunaan beg kertas yang bukan hanya memberikan penyelesaian mesra alam, bahkan juga membina kesedaran mengenai tanggungjawab terhadap alam sekitar.

Ia juga merangkumi prinsip kaizen yang menjadi budaya kerja orang Jepun, iaitu perubahan kecil dan berterusan membawa kepada peningkatan ketara. Dengan menggabungkan kaizen dalam konteks inisiatif alam sekitar, kita dapat mencapai peningkatan berterusan dalam kelestarian alam.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Malaysia (KPDN) serta Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam boleh bekerjasama membentuk dasar bersepadu tidak hanya menggalakkan masyarakat membawa beg sendiri, bahkan memberikan insentif positif untuk mem-

promosikan amalan ini secara berterusan.

Justeru, menghentikan penggunaan beg plastik pakai buang dan menawarkan beg kertas mesra alam kepada pelanggan dengan caj minimum sebenarnya boleh menjadi perubahan budaya mengamalkan nilai kaizen dalam memastikan penambahbaikan berterusan untuk kelestarian alam sekitar.

